

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI KELANTAN
BILANGAN 13 TAHUN 2020**

**TATACARA PENGENDALIAN PELUPUSAN BARANG-BARANG RAMPASAN/
SITAAN YANG DILUCUTHAK DI BAWAH KANUN TANAH NEGARA 1965 DAN
ENAKMEN MINERAL 2001 SERTA PENUBUHAN JAWATANKUASA
PELUCUTHAKAN PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI
KELANTAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan kali ke 17 Tahun 2020 yang bersidang pada 19 Ogos 2020 melalui Kertas Bil. 17/2020/D 7 (7) telah membuat keputusan bersetuju meluluskan tatacara pengendalian pelupusan barang-barang rampasan/sitaan yang dilucuthak di bawah Kanun Tanah Negara (KTN) 1965 dan Enakmen Mineral 2001 serta penubuhan Jawatankuasa Pelucuthakan Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan.

2. Terdapat dua (2) kaedah berhubung pelucuthakan barang-barang rampasan/sitaan di bawah KTN 1965 dan Enakmen Mineral 2001 iaitu melalui perintah mahkamah atau disifatkan telah dilucuthak.

3. Pelucuthakan melalui perintah mahkamah diperuntukkan di bawah subseksyen 426C (3) KTN 1965 dan subseksyen 141(2) EM 2001. Bagi tindakan mendapatkan perintah pelucuthakan melalui perintah mahkamah, permohonan akan dibuat oleh Pegawai Undang-Undang (PUU) Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan.

4. Subseksyen 426C (4) KTN 1965 memperuntukkan bahawa benda-benda yang dirampas disifatkan dilucuthak apabila tamat satu (1) bulan dari tarikh rampasan dan subseksyen 426 (5) KTN memperuntukkan bahawa barang-barang

yang dilucuthak sama ada melalui perintah mahkamah atau disifatkan telah dilucuthak hendaklah diserahkan kepada Pentadbir Tanah untuk dilupuskan mengikut arahan Pengarah Negeri. Namun, sekiranya benda yang dirampas itu bersifat boleh binasa atau jika penjagaan benda itu melibatkan perbelanjaan yang tidak munasabah dan menyukarkan, maka Pengarah Negeri boleh mengarahkan benda itu dijual dan hasil jualan dipegang menanti keputusan apa-apa dakwaan atau tuntutan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 426C (6) KTN 1965.

5. Manakala subseksyen 141 (3) EM 2001 memperuntukkan bahawa jika tiada pendakwaan dan tiada tuntutan bertulis daripada pemilik barang/ejenya, benda-benda yang disita disifatkan dilucuthak apabila tamat satu (1) bulan dari tarikh penyampaian notis kepada orang yang daripadanya benda itu disita.

6. Bagi mengendalikan proses pelupusan barang-barang kes, suatu jawatankuasa pelucuthakan telah ditubuhkan yang dipengerusikan oleh Penolong Pengarah (Penguatkuasaan) dan dianggotai oleh tiga (3) orang Penolong Pegawai Tanah yang dilantik oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan.

7. Jawatankuasa Pelucuthakan akan mengendalikan barang-barang kes sebagaimana tatacara yang ditetapkan di bawah:-

A. Tatacara Pengendalian Barang-Barang Rampasan/Sitaan

1. Sebelum Pelucuthakan Berlaku

(a) Tatacara ini hanya terpakai kepada barang-barang kes yang melibatkan kenderaan/jentera/traktor berdaftar.

(b) Setelah rampasan/sitaan dibuat, Bahagian Petugas Khas & Pendakwaan Pejabat Pengarah Tanah dan Galian akan menyediakan suatu memo makluman kepada Jawatankuasa Pelucuthakan untuk membuat semakan terhadap barang rampasan/sitaan tersebut dengan Jabatan Kimia.

- (c) Jawatankuasa akan memohon secara bertulis kepada Jabatan Kimia untuk membuat pemeriksaan nombor casis dan nombor enjin.
- (d) Selepas mendapat keputusan analisa daripada Jabatan Kimia, Jawatankuasa akan membuat permohonan kepada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) untuk menyediakan maklumat tentang pemilikan dan juga maklumat-maklumat lain yang berkaitan bagi tujuan siasatan dan pelucuthakan.

2. Selepas Pelucuthakan Berlaku

- (a) Tatacara ini terpakai kepada barang-barang kes yang melibatkan kenderaan/jentera/traktor dan juga barang-barang selain daripada kenderaan/jentera/traktor iaitu seperti peralatan melombong, peralatan pertanian dan lain-lain.
- (b) Bahagian Petugas Khas & Pendakwaan Pejabat Pengarah Tanah dan Galian akan mengenal pasti barang-barang kes yang perlu dilupuskan daripada Buku Daftar Barang Kes dan Kertas Siasatan.
- (c) Setelah dikenal pasti, Bahagian Petugas Khas & Pendakwaan Pejabat Pengarah Tanah dan Galian akan menyediakan suatu laporan mengenai pelucuthakan untuk diangkat kepada Jawatankuasa Pelucuthakan bagi tindakan Jawatankuasa setelah tamat tempoh EMPAT BELAS (14) HARI dari tarikh perintah pelucuthakan dibuat.
- (d) Jawatankuasa akan memohon secara bertulis kepada pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk membuat penilaian ke atas harga kenderaan/jentera/traktor tersebut dan juga harga barang-barang selain daripada kenderaan/jentera/traktor.

- (e) Bagi barang-barang kes yang melibatkan kenderaan/jentera/traktor, Jawatankuasa akan menghantar satu surat permohonan kepada pihak PUSPAKOM untuk menjalankan pemeriksaan kenderaan. Pihak PUSPAKOM akan menetapkan satu tarikh untuk menjalankan pemeriksaan tersebut di Jabatan ini di mana kenderaan/jentera/traktor tersebut disimpan.
- (f) Dalam masa yang sama, Jawatankuasa akan membuat permohonan kepada pihak JPJ untuk menjalankan pemeriksaan bersama-sama dengan pihak PUSPAKOM sebelum prosedur pindahmilik kenderaan/jentera/traktor tersebut dilaksanakan.
- (g) Selepas kenderaan/jentera/traktor tersebut selesai diperiksa oleh PUSPAKOM, Jawatankuasa ini akan mengambil tindakan membuat urusan pindahmilik kenderaan/jentera/traktor tersebut ke atas nama "PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI KELANTAN".
- (h) Apabila pemilikan telah didaftarkan di atas nama "PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI KELANTAN", Jawatankuasa akan mendapatkan arahan pelupusan daripada Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan.
- (i) Bagi barang-barang selain daripada kenderaan/jentera/traktor, setelah mendapat nilai harga daripada pihak JKR, Jawatankuasa akan mendapatkan arahan pelupusan daripada Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan.

Setelah mendapat arahan pelupusan daripada Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan, Jawatankuasa akan menyerahkan kepada Bahagian Khidmat Pengurusan Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan untuk tindakan pelupusan yang sewajarnya.

8. Pekeliling ini dikeluarkan selaras dengan keputusan Pihak Berkuasa Negeri, dan hendaklah berkuatkuasa dari tarikh ia dikeluarkan.



.....
DATO' HAJI ZAMRI BIN HAJI ISMAIL, D.P.S.K(Kelantan), K.M.N.
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN.

KEPADA:

Yang Berbahagia Dato'/ Yang Amat Berusaha,
Semua Pentadbir Tanah Jajahan Negeri Kelantan.

SALINAN KEPADA:

1. YAB. Ustaz Dato' Menteri Besar Negeri Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Negeri Kelantan
3. YB. Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3 KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU, KELANTAN

BERTARIKH : 6 OKTOBER 2020
NO. FAIL : PTG.KN.18/7/1